



**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA BIL. 2 TAHUN 2026
(BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN**

TARIKH IKLAN : 24 FEBRUARI 2026

Semua Kontraktor Bumiputra **Gred G1** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK) **BERALAMAT DI NEGERI SELANGOR, DAERAH KLANG** adalah dijemput untuk mengemukakan Sebut Harga bagi Pelaksanaan Projek seperti di bawah.

(TARIKH TUTUP SEBUTHARGA TIDAK LEWAT PADA 09 MAC 2026 JAM 12:00 TENGAHARI)			
BIL	NAMA PROJEK	SEBUTHARGA	
1.	KERJA-KERJA MEMBEKAL BARU, MEMASANG, MENGUJI SERTA MENTAULIAH 1 UNIT JANAKUASA TUNGGU SEDIA BERKAPASITI 60KVA(SILENT TYPE) UNTUK KEGUNAAN BILIK SERVER UNIT ICT DI KOMPLEKS PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG	PDTK/KP/02/2026	
		Gred	Kategori
		G1	CE21 E04 E32
	<u>LAWATAN TAPAK (WAJIB) 27 FEBRUARI 2026 (JUMAAT, 3.00 PETANG DI AUDITORIUM ARAS 2, PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG</u>		

Tarikh : 24.02.2026



 (NURULAIN BINTI MOHD YUSOF)
 Penolong Pegawai Daerah 2 (Khidmat Pengurusan)
 b.p. Pegawai Daerah Klang

2. Kontraktor yang **layak hendaklah mematuhi syarat-syarat** seperti berikut:
 - (i) Kontraktor mestilah **Bumiputra G1** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Negeri Selangor).
 - (ii) Kontraktor mestilah memastikan lesen masih lagi berkuatkuasa sepanjang perolehan tawaran diproses.
 - (iii) Kontraktor mestilah mempunyai Gred dan Kategori mengikut Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK) yang berkaitan.
 - (iv) **Wajib** mengemukakan resit pembelian sebutharga semasa mengemukakan dokumen sebut harga .
 - (v) **Wajib** mengemukakan profail syarikat. (Perlu diikat bersama Dokumen Sebutharga)
 - (vi) Pengalaman kerja 5 tahun perlu mengemukakan Salinan surat tawaran sebagai bukti
 - (vii) Telah menyertai dan mendaftar syarikat semasa lawatan tapak.

3. Kontraktor dikehendaki memastikan semua dokumen berikut masih berkuatkuasa **sekurang-kurangnya 3 bulan dari tempoh pembelian borang sebut harga**:
 - i. Sijil asal Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan
 - ii. Cop Pemborong/ Kontraktor
 - iii. **Wajib** kemukakan **tiga (3) salinan penyata kewangan** terkini (November, Disember 2025 dan Januari 2026) semasa kemukakan sebutharga. (Penyata Bank perlu disahkan (cop) oleh Pihak Bank.

4. Borang/Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (G1)** dengan menggunakan *on-line banking* melalui **sistem e-tender/sebutharga (<http://tender.selangor.gov.my>)**. Semua dokumen sebutharga yang dimuat turun bagi tajuk sebutharga ini mestilah dicetak dan diisi dengan lengkap sebelum dihantar.

5. Borang / Dokumen Sebut Harga tidak boleh dibeli pada tarikh tutup.

6. Bagi kontraktor yang tidak berdaftar, pendaftaran boleh dibuat secara *on line* melalui sistem *e-tender/sebutharga* berkenaan.

7. Sila kembalikan Borang Sebut Harga yang telah diisi dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang bertanda No. Sebutharga dan Nama Sebutharga yang berkenaan dengan lengkap ke dalam Peti Sebut Harga yang telah disediakan di kaunter Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah dan Tanah Klang dan;

8. Borang Sebut Harga yang lewat dikembalikan **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk menyertai Sebut Harga ini.
9. Kegagalan tuan mematuhi syarat-syarat berkenaan menyebabkan dokumen tawaran tidak akan dikeluarkan atau penyertaan tuan dalam tawaran berkaitan akan **TERBATAL** dengan sendirinya.

Catatan - Segala pembelian / perolehan dokumen sebutharga yang tidak sah / tidak melalui sistem, tindakan sewajarnya boleh dikenakan ke atas lesen pendaftaran tuan.